

BAB  
SATU

# PENGARUH PEMIKIRAN ORIENTALIS TERHADAP PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA : SUATU KAJIAN MENGENAI SUMBER-SUMBER SEJARAH ISLAM DI MALAYSIA

## BAB I : PENDAHULUAN

### 1.1. Pengenalan Bab

#### 1.1.1. Pendidikan Islam

*Fitrah* kehidupan manusia sememangnya sentiasa menginginkan perkembangan kemampuan dan jati dirinya agar lebih baik dari sebelumnya. Oleh kerana itulah ia memerlukan pendidikan sempurna bagi memperolehi ilmu pengetahuan yang berguna dan berupaya untuk meningkatkan *kredibiliti* dirinya. Ini dapat kita lihat bagaimana kisah *Tālūt* yang telah dipilih oleh Allah S.W.T. untuk memimpin sebuah kerajaan berteraskan ‘Aqīdah kepada Allah S.W.T. yang Maha Esa. *Firmān* Allah S.W.T. ;

وَقَالَ لَهُمْ نَبِيُّهُمْ إِنَّ اللَّهَ قَدْ بَعَثَ لَكُمْ طَائُوتَ مَلِكًا أَئِنْ يَكُونُ لَهُ  
الْمُلْكُ عَلَيْنَا وَتَحْنَ أَحَقُّ بِالْمُلْكِ مِنْهُ وَلَمْ يُؤْتَ سَعَةً مِنَ الْمَالِ قَالَ إِنَّ اللَّهَ  
أَصْطَفَنَا عَلَيْكُمْ وَزَادَهُ بَشْطَةً فِي الْعِلْمِ وَالْجِسْمِ

*Sūrah al-Baqarah* (2):247

Dan Nabi mereka pula berkata kepada mereka : “ Bahawasanya Allah S.W.T. telah melantik *Tālūt* menjadi raja bagi kamu,” mereka menjawab : “ Bagaimana dia mendapat kuasa memerintah kami sedang kami lebih berhak dengan kuasa pemerintahan itu daripadanya, dan dia pula tidak diberi keluasan harta ? ” Nabi mereka berkata : “ Sesungguhnya Allah S.W.T. telah memilihnya (*Tolut*) menjadi raja kamu, dan telah mengurniakan kelebihan dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan tubuh badan.”

Dalam kehidupan manusia, pendidikan merupakan *elemen* penting bagi memastikan kesinambungan hidup manusia dan merupakan warisan kebudayaan yang membezakan manusia daripada haiwan. Ini kerana, kehidupan dalam garis kasarnya dapatlah dibahagikan kepada tujuh bahagian iaitu ekonomi, politik, teknologi, kesenian, falsafah dan agama. Pendidikan berfungsi sebagai warisan kebudayaan kerana pendidikan mewariskan kepada generasi pelapis ilmu pengetahuan dan teknologi dalam kehidupan sosial, ekonomi, politik, kesenian, pemikiran-pemikiran falsafah dan kepercayaan serta praktik keagamaan<sup>1</sup>.

Dalam bahasa ‘Arab, pendidikan disebut sebagai *al-tarbiyyah* yang diambil dari perkataan akar kata *Rabb* yang bererti pemilik, pentadbir atau pendidik<sup>2</sup>. Dalam *sūrah* al-Fātiḥah kalimah *Rabb* telah ditafsirkan oleh Hamka sebagai pemelihara dan pendidik<sup>3</sup>. Kalimah *Rabb* juga bermaksud menyampaikan sesuatu secara tahap demi tahap menuju kepada kesempurnaan<sup>4</sup>.

Dalam bahasa Inggeris, pendidikan disebut sebagai (*Education*) bermaksud melatih atau membina mental dan moral atau menyediakan tunjuk ajar yang bersistematik<sup>5</sup>. *Education* berasal dari cantuman dua kalimah dari Bahasa Latin iaitu ; *e' ex* bererti ‘keluar’ dan *Duceredua* bererti ‘memimpin’. Oleh itu sebutan *eex duceredua* dipindahkan dalam bahasa Inggeris dan disebut

<sup>1</sup> Dr. Sidi Gazalba , (1970), *Pendidikan Umat Islam : Masalah Terbesar Kurun Kini Menentukan Nasib Umat*. Jakarta . Bhaktiara, h. 11.

<sup>2</sup> Ibn Manzūr, (1955), *Lisān al-'rab*, c.1. Beirut : T.P. , h. 399.

<sup>3</sup> Prof. Dr. AbdulMalik AbdulKarim Amrullah, (1986), *Tafsīr al-Azhar*, Juzuk 1, C.2. Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD, h. 72.

<sup>4</sup> Al-Baydawī, al-Qādī Nāṣir al-Dīn Abī Sa'īd 'Abdullāh Bin 'Umar Bin Muhammād al-Syīrāzī, (1968), *Anwār al-Tanzīl Wā Asrāru al-Ta'wil*, C. 2. Mesir : Maktabah Wā Matba'ah Mustafā al-Bābī al-Halabī Wā Aulādūhā, h. 7.

<sup>5</sup> Maurice Waite, (1995), *The Oxford Dictionary And Usage Guide To The English Langguage*, c.4. New York : Oxford University Press, h. 277.

sebagai *education* yang memberi erti mendidik, mengasuh atau membina diri dan watak seseorang<sup>6</sup>.

Pendidikan dalam pengertian yang luas ialah memindahkan nilai-nilai kebudayaan kepada setiap individu dalam masyarakat melalui proses pengajaran, latihan dan *indoktrinasi*. Pemindahan nilai melalui proses pengajaran ialah memindahkan ilmu pengetahuan kepada orang lain yang belum mempunyai pengetahuan tersebut. Pemindahan melalui proses latihan ialah seseorang membiasakan diri dalam melakukan pekerjaan untuk memperolehi kemahiran dalam pekerjaan tersebut. Manakala proses *indoktrinasi* ialah proses yang melibatkan seseorang meniru atau mengikut apa yang diperintahkan oleh orang lain<sup>7</sup>.

Menurut Tham Seong Chee, sistem pendidikan jika dipandang dari segi pemindahan nilai-nilai, mempunyai dua fungsi yang besar, iaitu pertamanya menjaga sistem yang yang telah sedia ada dengan mengambil perhitungan kepada nilai-nilai baru dalam perkembangannya atau melahirkan satu kelompok masyarakat baru dan berfungsi sebagai jentera pembaharuan (*modernization*) kepada masyarakat<sup>8</sup>.

Dari sudut prinsip Islam, penjelasan mengenai pendidikan Islam dapat dilihat dari ayat pertama yang diturunkan. Ia merupakan satu petanda bangkitnya

<sup>6</sup> Shipley, Joseph T. (1957), *Dictionary Of World Origin*, c.1. T.T.P. : Ames Lowa, h. 14.

<sup>7</sup> Dr. Hassan Langgulung, (1979), *Pendidikan Islam : Suatu Analisa Sosio-Psikologikal*, c.2. Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, h. 3-4 .

<sup>8</sup> Tham Seong Chee, (1977), *Malays And Modernization : A Sociological Interpretation*, c.1. Singapore: University Press Pte Ltd, h. 93.

satu peradaban manusia yang berteraskan kepada keesaan Allah S.W.T. dalam segenap sudut. *Firmān* Allah S.W.T. ;

آتَرْ آمِائِسِمْ رَبِّكَ آتِيَ خَلْقَ

*Sūrah Al 'Alaq (96) : 1*

*Bacalah ( wahai Muhammad ) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk) .*

Hamka melalui *Tafsīr al-Azhar* menjelaskan bahawa, ayat yang pertama diturunkan ini, telah memberikan penilaian yang tertinggi kepada kemahiran membaca dan menulis ilmu pengetahuan dalam segala cabang dan bahagiannya. Dengan itu mula dibuka segala *wahy* yang akan turun kemudiannya. Justeru, sekiranya kaum *muslimīn* tidak mendapat petunjuk dari ayat ini dan jika permulaan *wahy* ini tidak menggetarkan hati mereka, maka mereka tidak akan bangun lagi selama-lamanya<sup>9</sup>.

Menurut Doktor Hassan Langgulung, membaca melibatkan proses mental yang tinggi yang melibatkan proses pengenalan (*cognition*), ingatan (*memorization*), pengamatan (*perception*), pengucapan (*verbalization*), pemikiran (*rasionalization*), kreativiti (*creativity*) dan psikologi (*psychology*). Membaca juga melibatkan keseluruhan *struktur* mental manusia sebagai seorang individu. Di samping itu, membaca itu mempunyai aspek sosial, iaitu proses yang menghubungkan perasaan, pemikiran dan tingkah laku seseorang manusia dengan manusia yang lain. Pembacaan mengkehendaki adanya *simbol* yang dapat dibaca,

---

<sup>9</sup> AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (1986), *Op.Cit.* , Juzuk 30, h. 8060.

iaitu tulisan. Dengan pembacaan, manusia tidak perlu bersemuka antara satu sama lain. Pembacaan merupakan alat *sistem* perhubungan yang merupakan syarat mutlak wujudnya kesinambungan suatu sistem sosial<sup>10</sup>.

Apabila pendidikan dikaitkan dengan Islam ianya membawa maksud pendidikan manusia seluruhnya termasuk akal dan hati, rohani, jasmani, *akhlāk* dan tingkah laku. Ia menyiapkan manusia untuk hidup baik dalam keadaan senang atau susah, damai atau perang dan melengkapkan seseorang individu bagi membolehkannya menghadapi masyarakat dengan segala kebaikan dan kejahatannya, kemanisan dan kepahitannya<sup>11</sup>. Menurut Ibn Khaldūn, Pendidikan Islam ialah yang berkaitan dengan ‘ilmu Lisān, ‘Aqal dan ‘Ilmu *Wahy* yang dapat memberi kecerdikan dan kesempurnaan ketahap yang diperlukan yang membezakan antara manusia daripada haiwan<sup>12</sup>. Imām al-Ghazālī berpendapat pendidikan Islam ialah satu proses untuk memberi kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat dengan penglibatan dalam Fardu ‘Ain dan Fardu Kifāyah yang berkemuncakkan hampirnya diri kepada Allah S.W.T.<sup>13</sup>

Justeru, didapati tujuan Pendidikan Islam adalah lebih luas dan *syūniūl* dalam menjadikan manusia sebagai seorang insan yang baik dan *sāleḥ* ke arah menuju kepada Allah S.W.T. dan akhirat. Kesimpulannya, Islam tidak meletakkan matlamat pendidikan manusia untuk sesiapapun melainkan kerana Allah S.W.T.. Pendidikan Islam jelasnya mempunyai matlamat untuk melahirkan

<sup>10</sup> Hassan Langgulung (1979), *Op.Cit.*, h. 8.

<sup>11</sup> Dr Yūsuf Al-Qardawī, (1980) , *Pendidikan Islam Dan Madrasah Hassan Al-Banna*, Profesor H. Bustami Ghani & Drs Zainal Abidin Ahmad (terj.). Jakarta : Penerbitan Bulan Bintang, h. 39.

<sup>12</sup> Fatiyyah Sulaymān, (t. t.) , *Al-Madhab al- Tarbāwī 'inda ibn Khaldūn*, Kaherah : T.P., h. 37.

<sup>13</sup> Al-Ghazālī, (t. t.) *Iḥyā 'Ulūm al-Dīn*, c.1. Kaherah : T.T.P. , h. 14, 39.

iaitu tulisan. Dengan pembacaan, manusia tidak perlu bersemuka antara satu sama lain. Pembacaan merupakan alat *sistem* perhubungan yang merupakan syarat mutlak wujudnya kesinambungan suatu sistem sosial<sup>10</sup>.

Apabila pendidikan dikaitkan dengan Islam ianya membawa maksud pendidikan manusia seluruhnya termasuk akal dan hati, rohani, jasmani, *akh�ak* dan tingkah laku. Ia menyiapkan manusia untuk hidup baik dalam keadaan senang atau susah, damai atau perang dan melengkapkan seseorang individu bagi membolehkannya menghadapi masyarakat dengan segala kebaikan dan kejahatannya, kemanisan dan kepahitannya<sup>11</sup>. Menurut Ibn Khaldūn, Pendidikan Islam ialah yang berkaitan dengan ‘ilmu Lisān, ‘Aqal dan ‘Ilmu Wahy yang dapat memberi kecerdikan dan kesempurnaan ketahap yang diperlukan yang membezakan antara manusia daripada haiwan<sup>12</sup>. Imām al-Ghazālī berpendapat pendidikan Islam ialah satu proses untuk memberi kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat dengan penglibatan dalam Fardu ‘Ain dan Fardu Kifāyah yang berkemuncakkan hampirnya diri kepada Allah S.W.T.<sup>13</sup>

Justeru, didapati tujuan Pendidikan Islam adalah lebih luas dan *syumūl* dalam menjadikan manusia sebagai seorang insan yang baik dan *sâleh* ke arah menuju kepada Allah S.W.T. dan akhirat. Kesimpulannya, Islam tidak meletakkan matlamat pendidikan manusia untuk sesiapapun melainkan kerana Allah S.W.T.. Pendidikan Islam jelasnya mempunyai matlamat untuk melahirkan

<sup>10</sup> Hassan Langgulung (1979), *Op.Cit.*, h. 8.

<sup>11</sup> Dr Yusuf Al-Qardawī, (1980) . *Pendidikan Islam Dan Madrasah Hassan Al-Banna*, Profesor H. Bustami Ghani & Drs Zainal Abidin Ahmad (terj.). Jakarta : Penerbitan Bulan Bintang, h. 39.

<sup>12</sup> Fatiyyah Sulaymān, (t. t.) , *Al-Madhab al- Tarbāwī 'inda ibn Khaldūn*, Kaherah : T.P., h. 37.

<sup>13</sup> Al-Ghazālī, (t. t.) *Iḥyā 'Ulūm al-Dīn*, c.1. Kaherah : T.T.P. , h. 14. 39.

insan yang baik atau insan yang sempurna, iaitu insan yang mempunyai ciri-ciri atau sifat *taqwā* dalam dirinya. Ini bersesuaian dengan *firmān* Allah S.W.T.:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْدِكُمْ

*Sūrah al-Hujurāh (49) : 13*

*“ Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah S.W.T. di kalangan kamu ialah yang lebih bertaqwa. ”*

Sebagai kesimpulan, Islam menterjemahkan *tarbiyyah* sebagai suatu persediaan untuk *rūh* dan jiwa seseorang untuk menerima pelajaran, pengetahuan dan kemahiran melalui cara yang telah dirancang. Maka ia mengambil faktor asas untuk memberi kekuatan dan keupayaan menunaikan amanah yang agung dalam kehidupannya merangkumi peranannya di atas dunia ini dan akhirat. Oleh itu, apa yang dapat kita fahami ialah, pendidikan Islam itu sebenarnya bertujuan mengembangkan secara seimbang keseluruhan aspek peribadi manusia melalui latihan *rūhaniyyah*, minda, fizikal, perasaan dan pancaindera. Kemudiannya pendidikan Islam ini akan menuju kepada perkembangan insan kearah kesempurnaan dari segenap aspek.. Bagi umat Islam, matlamat ulung bagi pendidikan seorang Muslim terkandung dalam *realisasi* pengabdian yang selengkapnya kepada Allah S.W.T..

### **1.1.2. Orientalis**

Orang-orang kāfir Yahūdī dan Nasrānī (Kristian) sejak dahulu lagi tidak senang hati terhadap Islam yang pernah memerintah sebahagian besar dunia dan dipandang tinggi oleh kacamata dunia. Allah S.W.T. berfirmān ;

وَلَن تَرْضَى عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا الْكُنَّارِيُّ حَتَّى تَتَبَعَ مِلَّتَهُمْ<sup>١٣</sup>

*Al-Baqarah (2) : 120*

*Tidak akan ridā daripada engkau wahai Muhammad akan orang-orang Yahudi dan Nasrani sehinggahalah kamu mengikut jejak langkah mereka.*

Latar belakang ayat ini menunjukkan bahawa, sebelum Rasūl S.A.W. diutus dalam kalangan bangsa ‘Arab, bangsa ‘Arab itu dipandang sebagai orang-orang yang bodoh, tidak beragama dan menyembah berhala dan kecerdasan mereka dianggap rendah. Orang-orang Yahūdī dan Nasrānī di sekitarnya berpendapat, kebodohan ini hanya akan luput dari mereka jika mereka memeluk agama Yahūdī dan Nasrāni. Apabila diutuskan Nabī Muhammad S.A.W., Baginda telah mencegah mereka dari menyembah berhala serta beriman kepada Rasūl-Rasūl terdahulu. Nabī Muhammad S.A.W. tidak menyebut pun tentang agama Yahūdī dan Nasrānī melainkan menyebutkan cacat cela dan kekurangan yang terdapat pada agama tersebut. Perkara ini telah membangkitkan kemarahan dalam hati orang-orang Yahūdī dan Nasrānī kerana mereka inginkan Nabī S.A.W. mengangkat dan menyokong agama mereka dan bukan sebaliknya.

Tengah<sup>16</sup>. Menurut Edward W Said, *Orientalisme* didefinisikan sebagai suatu ilmu yang meletakkan soal-soal Timur pada suatu kelas atau tempat untuk dikaji, dijatuhkan hukuman dan seterusnya dikuasai<sup>17</sup>. *Orientalisme* adalah gelombang pemikiran yang mencerminkan berbagai-bagai penyelidikan ketimuran yang berkaitan dengan Islam. Aspek yang dijadikan fokus penyelidikan meliputi dan mencangkupi bidang peradaban, agama, seni, sastera, bahasa dan kebudayaannya. Gelombang pemikiran ini telah memberikan satu pandangan besar dalam membentuk *persepsi* Barat terhadap Islam dan dunia Islam. Cara yang digunakan ialah dengan mengungkapkan kemunduran pola fikiran dunia Islam dalam rangka pertarungan peradaban antara Timur ( Islam ) dengan Barat ( Kristian/Yahūdī)<sup>18</sup>.

Apabila membicarakan tentang *Orientalisme*, maka sudah tentu wujudnya orang yang menggerakkan gerakan ini. Mereka ini dikenali sebagai *Orientalis*. Menurut Teuku Iskandar, *Orientalis* ialah orang yang belajar bahasa, kebudayaan dan lain-lain bangsa Timur<sup>19</sup>. Dalam memahami definisi *Orientalis* dengan lebih terperinci, H Ismail Jacub telah memberikan pengertiannya. *Orientalis* iaitu ahli tentang soal-soal Timur iaitu segala sesuatu mengenai negeri-negeri Timur, terutamanya negeri-negeri ‘Arab dan Islam yang meliputi kebudayaan, keagamaan, peradaban, kehidupan dan lain-lainnya dari bangsa dan negeri Timur<sup>20</sup>.

---

<sup>16</sup> A.Muin Umar, (1978) , *Orientalisme Dan Studi Tentang Islam*, c.1. Jakarta : Penerbit Bulan Bintang, h. 7.

<sup>17</sup> Edward W.Said, (1979), *Orientalism*, c.1, New York : Vintage Books, h. 3.

<sup>18</sup> Ghazali Darusalam, (1998), *Dakwah Islam Dan Ideologi Barat : Ancaman Terhadap Umat Islam*, c.1. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn, , h. 88.

<sup>19</sup> Dr Teuku Iskandar , (1994), *Kamus Dewan*, c.5 . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 879.

<sup>20</sup> H.Ismail Jakub, (1970) , *Orientalisme Dan Orientalisten*, c.1, Surabaya : C.V. Faizan, h. 11.

*Orientalisme* dimulai oleh kaum *Orientalis* dengan mempelajari bahasa ‘Arab dan agama Islam. Kemudian, sesudah meluasnya penjajahan Barat atas benua Timur, lalu meluas kepada mempelajari semua agama Timur, adat istiadat, peradaban, ilmu bumnnya, bahasa dan lain-lainnya walaupun yang lebih dipentingkan sampai sekarang adalah agama Islam, peradaban dan bahasa ‘Arab. Hal ini didorong oleh kepentingan politik, agama dan lain-lain<sup>21</sup>.

*Orientalis* berasal dari perkataan *Orient* yang bererti Timur dan *Orientalis* pula biasanya dirujukan kepada orang-orang Barat yang mengkaji ilmu-ilmu ketimuran seperti bahasa, sastera, *tamaddun* dan agama. Bagi dunia Islam *Orientalis* atau *Orientalisme* merujuk kepada orang Barat yang mengkaji tentang *tamaddun* dan selok belok agama Islam termasuk al-Qurān, al-Hadīth, Sejarah, Bahasa dan lain-lain<sup>22</sup>.

Berdasarkan kepada pengertian-pengertian di atas dapatlah difahami bahawa, *Orientalis* sebenarnya merangkumi cerdik pandai Barat yang berperanan mengkaji ilmu-ilmu Islam yang akhirnya ilmu itu akan digunakan sama ada untuk menghancurkan kembali Islam atau ilmu itu digunakan oleh mereka sebagai satu garis panduan membina *ketamaddunan* bangsa mereka. *Orientalisme* ini didokongi oleh penganut-penganut agama Yahudi dan Nasrani dan tujuannya adalah jelas iaitu menghancurkan kekuatan umat Islam terutamanya dari sudut *spiritual*, agar mereka tidak berupaya bangun dan seterusnya menjadi ancaman kepada *survival* agama Yahūdī dan Nasrānī.

<sup>21</sup> H.Ismail Jakub (1970) , *Op.Cit*, h. 12.

<sup>22</sup> Edward W.Said (1979), *Op.Cit* , h. 1.

### 1.1.3. Sejarah Islam

Menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka, sejarah didefinisikan sebagai peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau. Manakala ilmu sejarah ialah kajian atau pengetahuan mengenai peristiwa-peristiwa yang telah lalu.<sup>23</sup>

Sejarah merupakan catatan ataupun rekod mengenai sesuatu peristiwa yang telah berlaku pada suatu masa yang lalu<sup>24</sup>. Peristiwa sejarah ialah peristiwa yang unik serta mempunyai taraf yang sama antara satu sama lain atas hakikat bahawa setiap satunya adalah ciptaan Allah S.W.T.. Sejarah haruslah terdiri daripada peristiwa yang benar-benar pernah berlaku dan tidak terdiri daripada peristiwa yang bercampur aduk dengan dongeng serta khayalan yang tidak berasas<sup>25</sup>.

Sejarah terdiri daripada sekumpulan fakta-fakta yang telah diteliti dan dipastikan fakta-fakta tersebut dikumpulkan oleh ahli-ahli sejarah dari dokumen-dokumen, suratan-suratan dan sebagainya. Ibarat ikan di atas papan penyiang sibenjaya ikan. Ahli sejarah memungutnya, membawa pulang, memasak dan menghidangkannya dalam apa sahaja cara yang menarik baginya<sup>26</sup>.

<sup>23</sup> Dr. Teuku Iskandar (1994), *Op.Cit.*, h. 1133.

<sup>24</sup> Muhd Yusof Ibrahim, (1986), *Pengertian Sejarah : Beberapa Pembaharuan Mengenai Teori Dan Kaedah*, c.1 . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 7.

<sup>25</sup> *Ibid.* , h. 2.

<sup>26</sup> Edward Hallett Carr, (1962), *What Is History*. c.1. London : Macmillan & Co LTD, h. 3.

Setelah meneliti pengertian sejarah, kita perlu tahu pula apakah itu Islam. Islam ialah agama yang dibawa oleh Nabī Muhammad S.A.W. dan nama ini bukanlah rekaan Rasūl S.A.W. bahkan ketetapan daripada Allah S.W.T.. Firmānya ;

وَرَضِيَتْ لَكُمُ الْإِسْلَامُ دِينًا

*Al Maidah (5) :3*

*Dan Aku telah ridā akan Islam itu menjadi agama untuk kamu.*

Dari sudut syarā', Islam ialah mentauhīdkan Allah S.W.T., patuh, tunduk dan jujur hati kepadaNya serta beriman dengan ajaran Allah S.W.T. yang dibawa oleh Nabī Muhammad S.A.W. daripada Allah S.W.T.<sup>27</sup>. Islam adalah agama *fitrah* manusia dan disebut sebagai agama Allah S.W.T. iaitu agama yang Allah S.W.T. menciptakan manusia semula jadinya untuk menerimanya selaku agama yang betul dan benar. Islam adalah agama yang menyelamatkan manusia dari penyembahan berhala kepada penyembahan Tuhan yang Maha Esa yang berdasarkan kepada tauhīd. Ianya merupakan agama *samāwī* yang diturunkan Allah S.W.T. yang menseimbangkan jasmani dan rohani dunia dan akhirat. Juga, Allah S.W.T. memerintahkan Nabī Muhammad S.A.W. dan pengikut-pengikutnya menerima kebenaran agamaNya ( Islam ) tanpa membuat sebarang perubahan dan pindaan<sup>28</sup>. Firmān Allah S.W.T. ;

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلَّذِينَ حَيَّقُوا فَطَرَتْ أَلْلَهُ أَلَّيْسَ قَطْرَنَ الْقَاسِ عَلَيْهَا لَا  
تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الْأَبْيَانُ الْقَيْمَ وَلَا كُنْ أَنْقَرَنَ الْقَاسِ لَا  
تَعْلَمُونَ

<sup>27</sup> Dr Haron Din, (1997), *Manusia Dan Islam*, Jilid 1, c.3 , Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, , h. 28.

<sup>28</sup> Haji Said Ibrahim, (1996), 'qīdah Ahli Sunnah Wa al-Jamā'ah, c. 2, Kuala Lumpur : Darul Makrifah. h. 1-3 .

*Sūrah al-Rūm (30) : 30*

Maka hadapkanlah dirimu (wahai Muhammad dan pengikut-pengikutmu) kearah agama yang jauh dari kesesatan, (turutlah terus) Agama Allah S.W.T. iaitu agama yang Allah S.W.T. menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya lagi) untuk menerimanya, tidaklah patut ada sebarang perubahan (janganlah kamu mengubah agama Allah S.W.T. yang berdasarkan tauhid kepada sebarang perbuatan syirik ), itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

Ringkasnya dari definisi sejarah dan Islam yang diberikan, kita dapat memahami bahawa sejarah Islam ialah sesuatu peristiwa silam yang telah berlalu dan peristiwa ini mempunyai kaitannya dengan Islam yang di bawa oleh Nabī Muhammad S.A.W. yang bersumberkan wahyu Allah S.W.T.. Dalam al-Qurān banyak terdapat kisah-kisah sejarah para *rasūl* dari Adam hingga Muhammad S.A.W., kisah kaum-kaum dan kerajaan terdahulu seperti ‘Aād, Thamūd, Fir’au, Sabā’ dan sebagainya. Al-Qurān telah memerintahkan umat Nabī Muhammad S.A.W. supaya mengambil berat dan mengambil perhatian mempelajari kisah sejarah ini supaya dapat dijadikan tauladan panduan hidup. *Firmān* Allah S.W.T.;

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِّأُولَئِنَّ الَّذِينَ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَى وَلَكِنْ تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

*Sūrah Yūsuf (12) : 111*

Demi sesungguhnya kisah-kisah Nabi itu mengandungi pengajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai ‘aqal fikiran. (Kisah-kisah Nabī yang terkandung di dalam al-Qurān) bukanlah ia cerita-cerita yang diadakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi petunjuk hidāyah dan rahmat bagi kaum yang mahu beriman.

*Firmān Allah S.W.T.* dalam surah yang lain :

نَحْنُ نَقْصُ عَلَيْكَ أَخْسَنَ الْفَصْصِ بِمَا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ هَذَا الْقُرْءَانُ

*Sūrah Yūsuf (12): 3*

*Kami menceritakan kepada engkau Muhammad seindah-indah dengan jalan kami wahykan kepadamu al-Qurān ini.*

Peristiwa-peristiwa sejarah dalam al-Qurān tidak hanya berakhir pada zaman Nabī Muhammad S.A.W. malah ia berterusan sehingga ke hari qīāmah. Dengan kata lain, walaupun al-Qurān itu sudah selesai diwahy pada zaman Nabī Muhammad S.A.W. tetapi semangat dan ajarannya tetap kekal buat selamanya. Al-Qurān adalah kitab suci yang mengandungi ajaran, panduan dan pendidikan Islam dalam berbagai disiplin ilmu termasuk Ilmu Sejarah dalam bentuk *wahy* yang diturunkan kepada Nabī Muhammad S.A.W. sebagai rahmat kepada sekalian alam. Menerusi semangat atau *rūh* al-Qurān inilah lahirnya pensejarahan Islam iaitu hasil karya sejarah Islam yang ditulis oleh orang-orang selepas kedatangan Nabī Muhammad S.A.W.<sup>29</sup>. Peringkat permulaan catatan Sejarah Islam ialah yang berhubungan dengan sejarah hidup Nabī Muhammad S.A.W. diikuti dengan peristiwa peperangan yang berlaku di zaman Nabī Muhammad S.A.W.. Ianya bergantung kepada dua sumber iaitu catatan jahiliah yang berlaku di kalangan orang-orang ‘Arab seperti cerita *Jurhām*, penimbusan telaga zam-zam dan sebagainya. Sumber yang kedua ialah hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat dan *tābi’īn* serta golongan-golongan selepas

<sup>29</sup> Mahayudin Haji Yahaya, (1984), *Pengertian Sejarah Dan Permasalahannya*, c.1. Kuala Lumpur : Penerbitan Saujana (M) Sdn Bhd, h. 14.

mereka tentang riwayat hidup Nabī sejak Baginda dilahirkan kemudiaannya dibesarkan, kegiatan Baginda untuk menyeru kepada Islam diikuti dengan *jihād* dan peperangan Baginda dengan orang-orang *musyrikūn*<sup>30</sup>.

Sejarah Islam merupakan lanjutan atau pengembangan daripada *al-Hadīth al-Sharīf* yang membicarakan tentang *maghāzī* Rasūllāh S.A.W.. Tetapi selepas kewafatan Baginda, perkara yang sama terus dilakukan iaitu menceritakan peristiwa peperangan yang berlaku pada zaman Rasūl S.A.W. dan zaman-zaman selepasnya. Jalan ceritanya sama dengan riwayat *al-Aḥādīth*. Penulisan sejarah Islam, sebagaimana penulisan dalam bidang-bidang ilmu yang lain, adalah selari mengikut hukum *evolusi*. Pada peringkat awal, masalah yang berhubung dengan ilmu Sejarah masih bercampur aduk dengan ilmu-ilmu lain seperti Sastera, Hadīth, Fiqh dan Tafsīr. Hal ini berlaku kerana rujukan utama bagi pengumpulan ilmu-ilmu tadi adalah berdasarkan al-Qurān dan al-Sunnah. Para ulama terkemudian berusaha menyusun masalah-masalah yang mempunyai persamaan ke dalam bahagian-bahagian tertentu. Dengan itu, wujudlah cabang-cabang ilmu Islam seperti ‘Ilmu Tafsīr, ‘Ilmu Hadīth, ‘Ilmu Fiqh dan Sejarah Islam<sup>31</sup>. Dalam penulisan sejarah Islam terdapat dua cara yang dilakukan sebagai dasar asasi iaitu menceritakan peristiwa-peristiwa mengikut urutan tahunan (*hawliyyah*) tanpa sebarang ulasan dan kritikan dan keduanya, memberi perhatian kepada

---

<sup>30</sup> Dr Ahmad Amin , (1983), *Duhā al-Islām : Mengkaji Gerakan Ilmiah Pada Zaman Permulaan Kerajaan Abbasiyyah*, Osman Haji Khalid (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 416.

<sup>31</sup> Dr Ahmad Shalabi, (1980), *Mausūrah al-Tārīkh al-Islāmiyyah*, c. 1. Kaherah : Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 62.

penganalisaan terhadap peristiwa sejarah, bagaimana boleh berlaku, penyelesaiannya dan kesan daripada peristiwa tersebut<sup>32</sup>.

Sebagai kesimpulannya, sejarah Islam memainkan peranan penting dalam membina dan membentuk kelompok masyarakat umat Islam masa kini. Ianya memberikan banyak pengajaran dan pedoman yang tiada tolak bandingnya. Selagi mana umat Islam itu berupaya mengungkap dan mentafsir sesuatu sejarah itu dengan baik, selagi itulah kejayaan akan menjadi milik mereka. Pengungkapan sesuatu peristiwa sejarah itu boleh diperolehi sama ada ianya diceritakan melalui al-Qurān, *Sirāh* atau membabitkan kisah umat-umat Islam terdahulu khususnya sejarah perjuangan mereka untuk menegakkan agama Allah S.W.T. dan membina ketamadunnan manusia. Pengkajian yang mendalam terhadap sejarah Islam akan menemukan pengkjajinya dengan pelbagai cabang ilmu-ilmu Islam yang lain.

---

<sup>32</sup> Dr Ahmad Shalabi, (1980), *Op.Cit.* , h. 53.

## 1.2. Pengertian Tajuk

Kajian ini bertajuk ; " *Pengaruh Pemikiran Orientalis Terhadap Pendidikan Islam Di Malaysia : Suatu Kajian Mengenai Sumber-Sumber Sejarah Islam Di Malaysia* "

*Pengaruh* : Yang dimaksudkan dengan pengaruh dalam kajian ini ialah kuasa yang terbit daripada orang, benda dan lain-lainnya dan berupaya memberi kesan atau *impact* ke atas orang lain.

*Pemikiran* : Yang dimaksudkan dengan pemikiran ialah perihal berfikir. Maksud yang ingin diketengahkan penulis ialah berkaitan ideologi, cetusan akal, tingkah laku, tindak-tanduk dan perencanaan.

*Orientalis* : Yang dimaksudkan dengan *Orientalis* ialah merangkumi cerdik pandai Barat yang berperanan mengkaji ilmu-ilmu Islam yang akhirnya ilmu itu akan digunakan kembali untuk menghancurkan Islam . *Orientalisme* ini didokongi oleh penganut-penganut agama Yahudi dan Nasrani.

*Pendidikan Islam* : Yang dimaksudkan dengan pendidikan Islam ialah pendidikan manusia seluruhnya termasuk akal dan hati, rohani, jasmani, *akhlāk* dan tingkah laku.

*Suatu Kajian* : Yang dimaksudkan dengan kajian di sini ialah satu usaha untuk mengkaji dan memahami dengan lebih terperinci mengenai pengaruh pemikiran

*Orientalis* terhadap pendidikan Islam di Malaysia, dengan tumpuan kepada pengetahuan dan pemahaman masyarakat terhadap sumber-sumber dan sejarah Islam terutamanya dari kalangan pelajar dan pendidik. Juga membuat kesimpulan yang mampu menghurai dan mengungkap serta menjawab persoalan yang dibawa penulis.

*Sumber-Sumber* : Yang dimaksudkan dengan sumber-sumber ialah asal, permulaan atau punca.

*Sejarah Islam* : Yang dimaksudkan dengan pendidikan Islam ialah sesuatu peristiwa silam yang telah berlalu dan peristiwa ini mempunyai kaitannya dengan Islam yang di bawa oleh Nabī Muhammad S.A.W. yang bersumberkan wahyu Allah S.W.T..

### **1.3. Perumusan Masalah**

Pendidikan merupakan *elemen* yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan manusia. Apabila lahirnya seorang anak Adam maka bermulalah proses pendidikan dan proses inilah yang akan membentuk dan mencorak hala tuju kehidupannya. Pendidikan yang sempurna sudah pastinya akan melahirkan seorang *insān* berkualiti yang mampu memegang amanahnya dengan sempurna sebagai seorang *Khalīfah* Allah S.W.T. Oleh kerana peri pentingnya pendidikan dalam hidup manusia, maka perbincangan mengenainya akan sentiasa berlegar sepanjang kehidupan manusia. Pendidikan inilah yang akan mencorakkan pembinaan budaya dan *tamaddun* sesuatu

umat manusia di atas muka bumi ini. Islam sebagai agama yang *syūnūl* dan *kāmil*, sudah tentulah memberikan perhatian yang lebih terhadap perkara ini. Pendidikan Islam yang berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah sebenarnya adalah sistem yang terbaik di dunia. Ini kerana, *natiyah* dari pendidikan Islam inilah yang melahirkan satu *tamaddun* yang dikagumi dunia. *Tamaddun* Islam membawa bersasmya kegemilangan yang merangkumi seluruh aspek kemajuan sama ada dari bentuk *spiritual* mahupun *material*. *Tamaddun* yang diasaskan kepada 'aqīdah dan keimānan kepada Allah S.W.T., *Syarī'at* dan *Akhlāk* telah menyaksikan kemajuan yang dibawanya dicemburui oleh pelbagai pihak, terutamanya golongan yang benci kepada Islam. Antaranya ialah golongan *Orientalis* Barat yang sedaya upaya cuba menghancurkan pengaruh *Tamaddun* Islam di dalam jiwa masyarakat.

*Orientalis* pada hakikatnya merupakan suatu yang tidak dapat dipisahkan aliran pertentangannya dengan dunia Islam. Sikap golongan ini yang mewujudkan permusuhan dan ingin melihat kehancuran Islam mendorong mereka menyusun pelbagai usaha dalam merealisasikan cita-cita dan matlamat mereka. Justeru, pendidikan merupakan satu saluran penting yang digunakan dalam merangka *strategi* dan menyusun niat jahat mereka dalam usaha menghancur dan mengelirukan pemikiran dan *komitmen* masyarakat Islam terhadap agama Islam. Banyak sumber sejarah dan ilmu pengetahuan diselewengkan ke arah menyempurnakan matlamat mereka.

Oleh kerana itu, adalah wajar bagi penulis untuk cuba menyelami dan memahami *situasi* ini. Antaranya ialah ;

1. Apakah kesempurnaan dan keistimewaan sistem pendidikan Islam sehingga tercetusnya daripadanya sebuah *tamaddun* yang gemilang dan sukar ditandingi ?
2. Adakah penyerapan pemikiran *Orientalis* memberi kesan terhadap survival masyarakat Islam terutamanya di Malaysia ?
3. Sejauh manakah pengaruh *Orientalis* terhadap sistem pendidikan Islam di Malaysia dan apakah masalah-masalah yang timbul daripadanya ?
4. Wujudkah pemikiran dan idea *Orientalis* yang mencampuri Sumber-Sumber Sejarah Islam ?
5. Kenapakah pentingnya pembelajaran Sejarah Islam dan pengkajian terhadap sumber-sumbernya ?
6. Bagaimanakah bentuk pemahaman masyarakat tentang ilmu yang berkaitan dengan sumber-sumber sejarah Islam. ?
7. Apakah bentuk-bentuk gerakan *Orientalis* dan bagaimanakah cara *Orientalis* mengembangkan pemikiran dan pengaruh mereka ?

Penulis berharap, dengan penulisan ini, segala perumusan masalah ini dapat dijelaskan dengan sempurna dan menjawab segala persoalan yang dicetuskan. Juga, semoga penulisan ini akan membawa kebaikan kepada seluruh pembaca dan penggemar ilmu pengetahuan.

#### 1.4. Tujuan Dan Objektif Kajian

1. Untuk memenuhi keperluan dan sebagai satu syarat bagi mendapatkan Ijazah Sarjana Usuluddin.
2. Menjelaskan kepada masyarakat tentang Sumber-Sumber Sejarah Islam, Sejarah Islam dan Pendidikan Islam di Malaysia.
3. Mendedahkan bentuk-bentuk pemikiran-pemikiran *Orientalis*.
4. Melihat dengan lebih dekat sama ada sistem pendidikan di Malaysia dipengaruhi oleh pemikiran *Orientalis*.
5. Mengkaji pemahaman dan sikap masyarakat terhadap Sumber-Sumber Sejarah Islam dan Sejarah Islam itu sendiri.
6. Mengkaji pemahaman dan keprihatinan masyarakat terhadap gerakan dan pengaruh *Orientalis* dalam dunia pendidikan Islam.
7. Mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan pengaruh *Orientalis* bertapak dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia.
8. Membuat rumusan serta cadangan dalam perkara-perkara yang berkaitan Sejarah Islam, sumber-Sumber Sejarah Islam dan pengaruh *Orientalis*.

## 1.5. Metodologi Penyelidikan

*Metode* adalah perkataan yang diambil dari bahasa Inggeris iaitu *method*<sup>33</sup>. Ia bererti sistem, cara membuat sesuatu atau kaedah membuat sesuatu. *Metode* juga bererti cara melakukan sesuatu atau disebut sistem, cara atau jalan<sup>34</sup>. Justeru itu kita dapat memahami bahawa *metodologi* membawa maksud pengetahuan tentang cara, kaedah atau perancangan untuk melakukan sesuatu pekerjaan. *Metodologi* ditakrifkan sebagai sistem yang merangkumi kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, usaha dan sebagainya<sup>35</sup>. Mengikut Koentjaningrat, *metodologi* bermaksud pengetahuan tentang berbagai cara kerja<sup>36</sup>. Manakala Profesor Ahmad Mahdzan berpendapat *metodologi* merupakan sains untuk mencari jawapan. Penyelidikan pula bermaksud, tatacara yang teratur yang digunakan oleh manusia untuk menambah ilmu pengetahuan yang baru<sup>37</sup>.

Dalam *metodologi* penyelidikan atau kajian, *metode* merupakan sesuatu yang begitu penting kerana ianya merupakan etika bagi mengenal pasti dan menjelaki jawapan kepada sesuatu persoalan yang ingin dikemukakan. Dalam usaha untuk menyelami dan mendekati persoalan yang dikaji, penulis telah menggunakan pelbagai *metode* atau teknik sebagai satu pendekatan dalam kajian ini. Penulis telah memilih dua kaedah iaitu pengumpulan data dan maklumat dan kaedah penganalisaan data dan maklumat.

<sup>33</sup> Dewan Bahasa Dan Pustaka, (1985), *Kamus Dwi Bahasa*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, , h. 781.

<sup>34</sup> Koentjaraningrat, (1983), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, c. 2. Jakarta : P.T. Gramedia, h. 16.

<sup>35</sup> Dr. Teuku Iskandar (1994), *Op.Cit* , h. 826.

<sup>36</sup> Koentjaraningrat (1983), *Op.Cit* , h. 8.

<sup>37</sup> Prof Ahmad Mahdzan . (1985). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi Satu Pengenalan*, c.3. Kuala Lumpur :Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 9.

Dalam proses pengumpulan data dan maklumat, penulis telah menggunakan dua kaedah iaitu melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Penulis telah menggunakan kaedah ini terutamanya dalam bab pertama, kedua dan ketiga. Kajian perpustakaan amat perlu dalam konteks memahami dasar atau landasan teori serta skop kajian. Penulis telah menggunakan perpustakaan untuk mendapatkan maklumat terutamanya yang berkaitan dengan takrifan atau definisi serta segala maklumat yang menjurus kepada perkembangan penulisan ini dalam bab satu, dua dan tiga. Data-data yang diperolehi ini sama ada melalui sumber-sumber *primari* (rujukan pertama) dan *sekunder* (rujukan kedua) hasil penelitian kitab-kitab karangan ulamak dan penulis terkenal, tafsiran al-Qurān dan al-Hadīth serta rujukan-rujukan lain sama ada yang berbahasa Malaysia, Inggeris atau ‘Arab. Penulis menggunakan kemudahan-kemudahan yang terdapat di Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Zaaba, Universiti Malaya Kuala Lumpur. Penulis juga menggunakan Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan Awam Negara, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Bangi dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa.

Melalui kajian luar, penulis telah mengimplementasikan dua *metod* iaitu *metod* temubual dan *metode* soal selidik yang digunakan dalam bab keempat. Penulis menggunakan *metode* temubual atau wawancara bagi memperolehi maklumat secara terus dan bersifat *primari* daripada kalangan *responden* yang terpilih yang berupaya memberikan maklumat dan penerangan yang tepat dalam permasalahan yang dikaji. *Metode* ini bertujuan untuk melengkapkan lagi data-data yang diperolehi dalam bab satu, dua dan tiga. Ini bertujuan supaya maklumat yang tepat dan jelas sahaja digunakan dalam penulisan ini. Sebelum sesuatu wawancara

dilakukan, penulis telah bersedia dengan soalan-soalan yang digubal khas supaya mampu mendapatkan data-data yang dikehendaki. Bentuk dan corak soalan adalah berdasarkan *kriteria* orang-orang yang ditemubual. Persediaan ini dilakukan bagi memastikan tidak ada data-data yang diperlukan penulis dari kalangan *responden* ketinggalan. Justeru, penulis harus menghabiskan masa yang banyak dalam mendekati dan menemubual *responden* bagi memastikan bahawa hanya maklumat-maklumat sahih dan lengkap sahaja dibawa masuk dalam penulisan ini.

Melalui *metode* soal selidik, ianya mempunyai kepentingannya yang tersendiri kepada penulis sebagai salah satu *instrumen* bagi mendapatkan data-data yang *primary* yang digunakan dalam bab empat. Untuk itu, satu format dan keseragaman soalan soal selidik yang seragam dan mengandungi soalan-soalan terbuka dan tertutup. Untuk memastikan keberkesanannya, penulis terlebih dahulu membuat satu percubaan soal selidik untuk memastikan bahawa soalan yang dirangka itu dapat memudahkan *responden* menjawab dengan selesa dan ikhlas. Setelah mengetahui kelemahannya baharulah penulis sekali lagi merangka soalan soal selidik berdasarkan percubaan awal dan akhirnya penulis telah dapat merangka satu soalan yang lengkap yang mampu mendapatkan seberapa banyak maklumat dan mendokong kepada ketulenan objektif kajian.

Dalam proses penganalisaan data dan maklumat di dalam bab empat dan lima, penulis telah memilih beberapa *metode* tertentu yang dirasakan ada kewajarannya untuk *diaplikasikan* dengan konsep kajian setelah semua data dan maklumat berjaya diperolehi dan disatukan. Untuk tujuan itu, penulis telah menetapkan tiga *metod* iaitu *metode induktif*, *metode deduktif* dan *metode*

*komparatif*. Yang dimaksudkan dengan *metode induktif* ialah pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum. Manakala *metode deduktif* ialah pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal khusus. *Metod komparatif* pula ialah penulis membandingkan data yang diperolehi untuk menghasilkan satu rumusan yang jitu dalam bab yang kelima. Perbandingan diaplikasikan melalui cara membuat perbandingan terhadap segala fakta yang diperolehi melalui *metode temubual*, soal selidik dan lain-lain *metode* untuk mendapatkan data seperti yang dinyatakan. Hasil daripada perbandingan yang diperolehi membolehkan penulis membuat kesimpulan dan rumusan yang baik dan sempurna dalam bab keempat dan kelima.

## 1.6. Sistematika Penulisan

Dalam mengatur, mengemas dan mengindahkan kajian ini supaya mudah difahami dan jelas, penulis telah membahagikan bentuk penulisan ini kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama akan memfokuskan perbincangan berkaitan *Orientalis* dan Tamadun Islam, Pendidikan Islam, Sejarah Islam dan Sumber-Sumber Sejarah Islam secara umum dan global. Kesemuanya ini terkandung di dalam bab pertama pendahuluan. Seterusnya, penulis membentangkan pengertian tajuk dan perumusan masalah, tujuan dan objektif kajian serta metodologi penyelidikan yang digunakan. Juga, penulis telah menghuraikan permasalahan kajian yang dihadapi sepanjang menyempurnakan tugas atau kajian ini. Di dalam bab kedua yang merupakan landasan teori, penulis membincangkan berkaitan

*Orientalis* dan Tamadun Islam, Pendidikan Islam, Sejarah Islam dan Sumber-Sumber Sejarah Islam secara lebih terperinci dan menyeluruh. Manakala dalam bab yang ketiga, iaanya difokuskan pula berdasarkan situasi dan perkaitannya dengan apa yang ada di Malaysia.

Dalam bahagian kedua pula, iaitu di dalam bab keempat dan kelima, penulis telah membentangkan hasil analisis dan kajian mengenai pengetahuan dan pemahaman masyarakat pelajar dan pendidik terhadap Sejarah Islam dan Sumber-Sumbernya serta perkara-perkara yang membabitkan perkaitannya dengan pemikiran *Orientalis*. Penulis juga kemudiannya mendedahkan hasil kajian tentang pengaruh *Orientalis* dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia. Kesemuanya ini telah diolah dengan begitu rapi dan menarik dan disertakan carta-carta yang relevan. Seterusnya, penulis telah membuat rumusan dan kesimpulan bagi setiap persoalan yang dikaji berdasarkan segala pembentangan yang dilakukan dalam keseluruhan bab. Akhirnya, dengan analisa dan hasil kajian ini juga, penulis telah mengemukakan saranan dan cadangan-cadangan yang boleh menghuraikan dan menyelesaikan permasalahan-permasalahan kajian yang timbul.

Kesimpulannya, kaedah pengumpulan data dan maklumat yang banyak digunakan dalam bab satu, dua dan tiga dan kaedah penganalisaan data dan maklumat yang digunakan dalam bab empat dan lima, telah menghasilkan satu penulisan yang bermutu tinggi dan mudah difahami oleh semua pihak yang membaca dan menilai penulisan ini.

## **1.7. Masalah Kajian**

Dalam merealisasikan kajian ini, penulis telah menghadapi pelbagai masalah terutamanya dalam proses mendapatkan data dan menganalisis segala maklumat-maklumat yang diperolehi. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kajian perpustakaan dan kajian lapangan meliputi proses soal selidik, temubual serta pengamatan penulis.

Dalam melaksanakan kajian perpustakaan, penulis telah menghadapi masalah terutamanya untuk memasuki dan mencari maklumat di perpustakaan-perpustakaan luar Universiti Malaya. Pelbagai masalah birokrasi telah dihadapi penulis terutamanya untuk menggunakan kemudahan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa. Penulis terpaksa mengemukakan dan menyediakan pelbagai dokumen sokongan dan surat pengesahan di samping bertemu terus dengan pegawai perpustakaan dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul.. Proses birokrasi ini telah banyak membuang masa penulis di samping sumber-sumber rujukan yang sukar ditemui. Juga, penulis mestilah bijak dalam membahagikan masa kerana terikat dengan masalah prosedur di tempat kerja. Penulis telah mengambil masa yang lama sekitar dua tahun setengah untuk menyelesaikan tugasannya yang membabitkan bab pertama, kedua dan ketiga. Faktor kewangan dan prosedur kerja membuatkan penulis bergerak amat perlahan dalam menyiapkan ketiga-tiga bab ini disamping masalah-masalah peribadi penulis.

Dalam menyiapkan kerja lapangan mula, penulis telah menghadapi ujian yang lebih hebat. Ini kerana, kerja lapangan ini membabitkan interaksi penulis

dengan kelompok responden yang mempunyai pelbagai sikap. Penulis terlebih dahulu telah cuba mengenalpasti responden yang sesuai untuk melengkapkan kajian ini. Responden yang dipilih penulis pula mewakili setiap negeri di Semenanjung Malaysia berdasarkan kedudukan mereka sebagai pengajar di Institut Pengajian Tinggi Swasta. Oleh kerana itu, masalah komunikasi disamping karenah responden menyebabkan penulis terpaksa berhadapan dengan pelbagai permasalahan. Borang soal selidik yang diberikan penulis kepada mereka sama ada melalui pos atau menggunakan pengantaraan kawan-kawan penulis yang bertugas sebagai pengajar di Institusi-Institusi tersebut. Proses ini terlalu rumit dan mencabar kerana penulis ingin mendapatkan data-data yang benar-benar berkualiti dan boleh dipercayai. Bagi kelompok responden pelajar, penulis tidak menghadapi banyak masalah berikutan tempat pengajian mereka yang dekat dengan tempat tinggal penulis. Seterusnya, apabila diyakini data yang diperolehi benar-benar memuaskan hati penulis, barulah proses analisis dilakukan dengan berhati-hati supaya hasil kajian ini berupaya memberikan yang terbaik.

Sesungguhnya, masalah kajian ini, benar-benar menguji penulis terutamanya apabila ianya berkaitan dengan masalah kewangan dan masa. Justeru, penulisan dan kajian ini telah memakan masa yang lama dan diharap dapat memberikan sesuatu yang sempurna hasil penat lelah dan kesabaran penulis.